

Berita Minggu, Ahad, 11 October, 1981

Datuk Harun antara 5 ahli MKT angkat sumpah

KUALA LUMPUR, Sabtu — Naib Presiden UMNO dan bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris antara lima Ahli Majlis Tertinggi parti itu mengangkat sumpah di depan Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di mesyuarat kedua majlis itu di sini, hari ini.

Empat tokoh lain ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamed Yaakub, Timbalannya, Datuk Haji Hussein Ahmad, Encik Ghafar Baba dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghanl.

Tokoh-tokoh ini tidak hadir dalam mesyuarat pertama majlis tersebut, pada 8 Ogos lalu.

Mesyuarat hari ini tanpa Menteri Kemaajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad dan Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar.

Datuk Seri Shariff mewakili Kerajaan Malaysia di pengkebumian Allahyarham Presiden Anwar Sadat, manakala Haji Rahim pula berada di Mekah. — Bernama.